

2003

HM  
ISNIN

17 NOV 2003

# Majlis kenang jasa kakitangan UPM penuh sayu

KEMANTAPAN dan kejayaan sesebuah organisasi itu bergantung kepada komitmen serta kesungguhan ditunjukkan kakitangannya dalam memastikannya objektif yang dirancang tercapai.

Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, mengadakan Majlis Jasa Putra dan Setia Putra Tahun 2003 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Majlis berkenaan bertujuan menghargai jasa dan pengorbanan setiap kakitangan yang bersama-sama berusaha menuju kecemerlangan dalam merealisasikan matlamat UPM menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Seramai 114 orang kakitangan dianugerahkan Jasa Putra dan ia termasuk 12 yang sudah meninggal dunia sementara 182 menerima Setia Putra.

Majlis yang diadakan buat kali kelima itu turut mengundang perasaan sedih, kerana turut meraikan kakitangan UPM yang bakal bersara hujung tahun ini.

Kesemua mereka sudah berkhidmat 20 tahun selain mengangan jasa kakitangan yang meninggal dunia dalam tempoh perkhidmatan.

Penerima anugerah berkenaan menerima seutas jam tangan bernilai RM300 berserta sijil penghargaan yang disampaikan Naib Canselor UPM, Prof Da-

tuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie dalam ucapannya gembira kerana dapat meraikan penerima Setia Putra yang sudah sekian lama berkhidmat dengan universiti itu.

"Rasa sayu pula mengenangkan sahabat kita yang meninggalkan kita kerana bersara wajib atau bersara pilihan. Malah, perasaan sedih timbul mengingatkan 12 orang sahabat kita yang meninggal dunia ketika masih bertugas pada tahun ini," katanya.

Menurutnya, ganjaran dan penghargaan seumpama itu bukan ukuran mutlak kepada jasa mereka yang terbabit.

Beliau berharap, nilai ganjaran itu tidak menguasai diri sehingga sanggup meminggirkan nilai akal dan budi dalam meneruskan budaya kerja yang lebih cemerlang.

"Sesungguhnya, diharapkan semua kakitangan UPM sentiasa memperbaharui ilmu pengetahuan supaya pengetahuan dan kemahiran yang kita miliki dapat memenuhi kehendak zaman yang sering berubah," katanya.

Sehubungan itu, katanya kesetiaan berkhidmat di UPM dengan penuh dedikasi adalah satu kebijaksanaan memberikan perkhidmatan terbaik ke arah pencapaian wawasan dan misi universiti.





**KENANGAN...kesemua penerima anugerah bergambar kenangan bersama Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie (duduk tiga dari kiri).**

Dalam masa yang sama, katanya kecekapan menjalankan tugas penting kerana ia menjadi contoh dan idola kepada kakitangan baru UPM.

Sementara itu, Pendaftar UPM, Kamalul Aripin Musa dalam ucapannya turut mengingatkan kakitangan UPM supaya sentiasa berfikiran terbuka dan

positif terhadap perubahan walaupun sudah berkhidmat lama.

“Menjadi kebimbangan pengurusan universiti sekiranya ada segelintir kakitangan taksub dengan cara kerja lama walaupun UPM gigih mencapai kemajuan dan peningkatan dalam pelbagai bidang,”

katanya.

Majlis itu juga diharapkan dapat menyuntik semangat dan meningkatkan cara kerja seluruh warga kampus untuk memburu kejayaan bagi merealisasikan matlamat UPM sebagai universiti bertaraf dunia pada 2010.